

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan holistik Kementerian dari segi kemudahan dan kepakaran bagi menghadapi status negara tua serta memperkasa sistem jaringan keselamatan sosial bagi isu kemiskinan dalam golongan ini apabila 14.5% rakyat bakal berusia 65 tahun ke atas menjelang 2040 menurut DOSM.

JAWAPAN

Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM telah membuat unjuran penduduk di mana Malaysia disasarkan akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk. Untuk makluman, takrifan warga emas di Malaysia adalah merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun ke atas sepertimana yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna yang dianjurkan pada tahun 1982. Dalam usaha memastikan Malaysia bersedia mencapai negara tua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang menyemak dan menyediakan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) baharu yang lebih holistik dan mengambil kira semua aspek khususnya dari sudut ekonomi dan sosial warga emas.

Elemen baharu seperti kesan COVID-19 terhadap warga emas, dokumen Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) akan turut diambil kira dalam penyediaan

PTWEN baharu ini. PTWEN ialah dokumen rujukan utama semua pihak bukan sahaja Kerajaan malah pihak swasta, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga komuniti memandangkan pelaksanaannya memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua pihak.

Selain itu, Kerajaan masih mengekalkan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia atau dengan izin *Malaysia Social Protection Council* (MySPC) sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara. MySPC yang diurussetiakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial untuk menyelaras Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Bantuan Sosial, Jawatankuasa Kerja Intervensi Pasaran Buruh, Jawatankuasa Kerja Insurans Sosial dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Data.

Kementerian juga sedang melaksanakan kajian untuk mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas bagi melindungi kebajikan dan hak asasi golongan tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti dan memastikan pendekatan, kandungan dan skop Rang Undang-Undang (RUU) yang sedang dirangka menepati keperluan dan acuan budaya rakyat Malaysia. RUU ini juga akan mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk ahli akademik, NGO, pihak swasta dan korporat serta warga emas sendiri bagi memastikan akta yang menyeluruh pada masa hadapan.

KPKWM melalui kolaborasi dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan *United Nations Development Programme* atau UNDP juga sedang melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek rintis ini sedang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) yang telah dilantik oleh UNDP di mana projek ini dilaksanakan berdasarkan kepada panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO). Satu rangka kerja bagi pewujudan *age-friendly city* akan dihasilkan yang mana boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak.

SOALAN NO. : 377

Kerajaan menyediakan bantuan kebajikan iaitu Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM350 sebulan kepada warga emas yang layak selain menyediakan institusi kebajikan iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan untuk menjaga golongan warga emas yang uzur, daif dan tidak berwaris. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyediakan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Program Intergenerasi dan perkhidmatan serta kemudahan pengangkutan kepada warga emas (Unit Penyayang Warga Emas).

Inisiatif terkini Kementerian dalam menjaga kebajikan golongan warga emas pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik COVID-19 adalah termasuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk membangunkan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Berkediaman Kerajaan, Swasta dan NGO bagi memastikan pengoperasian pusat jagaan warga emas mengguna pakai amalan terbaik.

Dalam masa yang sama, Kerajaan turut menaikkan elaun petugas atau sukarelawan *Home Help Services* yang berperanan menyantuni golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Dengan kenaikan elaun ini diharapkan agar sasaran pengurangan jumlah kemasukan klien ke institusi JKM dapat dicapai.